

# Utamakan pekerja tempatan

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD  
dan S. ANAND KUMAR

U. M. S. I. A. M. S. 4 17/10/07  
**KUALA LUMPUR** 16 Okt. – Usaha memodenkan sektor pembinaan dan perladangan perlu diberi keutamaan kerana ia adalah antara langkah paling berkesan bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing.

Pengarah Eksekutif Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan berkata, selain itu penggunaan tenaga kerja wanita, golongan bersara dan orang kurang upaya (OKU) secara optimum juga merupakan pendekatan yang mampu mengurangkan jumlah pekerja asing.

Beliau berkata, apa yang disyorkan oleh MEF itu telah lama dipraktikkan di negara-negara maju seperti Jepun dan hasilnya hampir seluruh pasaran kerja diisi oleh rakyat tempatan.

“Singapura juga merupakan salah satu negara yang boleh dicontohi bagaimana mereka memastikan pasaran kerja diisi oleh rakyat negara mereka sendiri.

“Bidang pembinaan dan perladangan adalah sektor paling banyak menggunakan khidmat pekerja asing,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Shamsuddin berkata, seperti sektor pembinaan, kaedah pasang siap atau lebih dikenali dengan Sistem Bangunan Perindustrian (IBS) merupakan langkah yang boleh mengurangkan penggunaan tenaga buruh.

Beliau berkata, ini kerana proses menyiapkannya dilakukan di kilang.

Katanya, IBS adalah satu langkah mengaplikasi teknologi pratuang yang dapat mempercepatkan proses pembinaan.

“Melalui sistem ini jumlah buruh yang

digunakan adalah rendah berbanding kaedah konvensional. Sekiranya kaedah ini dapat dipraktikkan sepenuhnya MEF yakin jumlah pekerja asing dalam sektor ini dapat dikurangkan secara lebih drastik,” ujarnya.

Begitu juga dengan sektor pertanian, beliau berkata, ia perlu diubah kepada sistem menggunakan lebih banyak jentera serta teknologi terkini berbanding tenaga buruh.

“Kaedah ini yang diguna pakai di negara maju. Sektor pertanian mereka menggunakan jentera dan secara tidak langsung jumlah buruh yang digunakan adalah pada tahap minimum,” ujarnya.

Berhubung penggunaan tenaga kerja golongan wanita, golongan bersara dan OKU, beliau mengakui jumlah tenaga yang ada pada mereka tidak digunakan sepenuhnya dan akibatnya berlaku pembaziran.

Sebagai contoh, beliau berkata, daripada lima juta penduduk wanita di negara ini hanya 46 peratus yang bekerja.

“Sepatutnya penyertaan golongan wanita di negara kita sekurang-kurangnya 60 peratus iaitu sesuai dengan status Malaysia sebagai antara negara membangun paling maju.

“Ini mungkin berkaitan dengan polisi dan dasar kerajaan bagi menggalakkan lebih ramai wanita menceburkan diri dalam bidang pekerjaan dan antaranya fleksibiliti untuk bekerja selepas bersalin,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, terdapat beberapa sektor pekerjaan di negara ini yang sepatutnya tidak dibuka kepada pekerja asing tetapi perlu diberi keutamaan kepada pekerja tempatan.

“Sektor pengeluaran dan perkhidmatan adalah antara sektor yang tidak harus dibuka kepada pekerja asing kerana pekerja tempatan mampu melakukannya,” katanya lagi.

**Singapura juga merupakan salah satu negara yang boleh dicontohi bagaimana mereka memastikan pasaran kerja diisi oleh rakyat negara mereka sendiri**

**SHAMSUDDIN  
BARDAN**  
Pengarah  
Eksekutif MEF



**PEKERJA** asing yang membina penempatan secara haram di Puncak Perdana Seksyen U10 Shah Alam, Selangor.

– Gambar ZULHAFIZ HANAFIAH